

09/07/2001

Pergerakan Wanita Barisan minta dilantik ahli Dewan Tertinggi

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) akan meminta pucuk pimpinan supaya mengiktirafkan Ketua Wanita dan Pemuda BN sebagai ahli Dewan Tertinggi yang termaktub dalam Perlembagaan BN.

Pengerusinya, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata sudah tiba masanya bagi Wanita dan Pemuda BN mendapat tempat dalam Dewan Tertinggi BN kerana kedua-dua pergerakan itu adalah komponen operasi penting bagi kekuatan barisan.

"Di bawah Seksyen 7 Perlembagaan BN, Dewan Tertinggi terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi, Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan tiga wakil dari setiap parti anggota.

"Sudah tiba masanya bagi Wanita dan Pemuda mendapat tempat yang sama. Bukannya kerana saya ingin duduk di kerusi itu, tetapi kami mahu jawatan berkenaan mendapat pengiktirafan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Kerja Wanita BN, di sini hari ini.

Sehubungan itu, Rafidah yang juga Ketua Wanita Umno berkata, Wanita BN akan menghantar kertas cadangan mengenainya kepada Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi.

Beliau berkata, selama ini, Wanita dan Pemuda BN dilihat sebagai komponen 'senyap' yang menjalankan segala kerja atas ihsan dan inisiatif sendiri.

"Lebih separuh daripada 5.6 juta ahli BN adalah Wanita BN. Adalah masuk akal jika Wanita dan Pemuda diwakili (dalam Dewan Tertinggi)," katanya sambil menambah keahlian Wanita Umno ialah lebih daripada 1.2 juta, MIC (380,000) dan Gerakan (60,000).

Pada masa yang sama, Rafidah berkata, satu Konvensyen Wanita dan Pemuda BN akan diadakan dalam masa tiga bulan ini, sebagai usaha ke arah kerjasama yang lebih kukuh dalam mengupas isu berkaitan BN.

Katanya, beliau sudah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Pemuda BN, Datuk Hishammuddin Tun Hussein semalam dan kedua-dua mereka bersetuju untuk mengadakan konvensyen pertama itu.

"Saya akan adakan perbincangan lanjut dengan Hishammuddin mengenai perkara ini tetapi yang pasti, kedua-dua pihak sudah bersetuju. Insya-Allah, selepas pilihan raya kecil Likas, Sabah...dalam masa tiga bulan ini," katanya.

Mengenai persediaan bagi Likas, Rafidah berkata, satu bilik gerakan khas Wanita BN sudahpun dibuka untuk menyelaraskan semua kempen pilihan raya.

Katanya, wakil Wanita BN dari Semenanjung dan Sarawak akan dihantar untuk membantu dalam jentera gerak gempur di Likas.

"Wanita BN akan menyokong siapa juga calon kita dan kita akan bekerja keras untuk pastikan kemenangan BN. Saya sendiri bersama pemimpin lain akan ke Sabah esok," katanya.

Mengenai rancangan Jawatankuasa Kerja Wanita BN, beliau berkata, semua parti komponen bersetuju untuk mengadakan perjumpaan berkala di setiap daerah dan negeri bagi menentukan kerjasama dan aktiviti yang dapat dijalankan bersama.

(END)